

Dua wanita cekal dinobat ibu teladan

Oct 22, 2018 | 05:30 AM

NUR ADILAH MAHBOB



0



Kongsi



MENGIKTIRAF IBU TELADAN: (Dari kiri) Penasihat panel pengadil Anugerah Ibu Teladan, Cik Sim Ann, serta pengerusi Cik Claire Chiang, bersama penerima Anugerah Ibu Teladan, Cik Bibi Fatimah Sheikh Muhammad, dan Presiden Halimah Yacob dan suaminya, Encik Mohamed Abdullah Alhabshee. - Foto BH oleh ZALEHA ABDUL KADER

DUA wanita yang tabah menyara kehidupan keluarga apabila suami mereka menghadapi penyakit telah menerima pengiktirafan daripada Jamiyah Singapura sebagai ibu teladan.

Cik Bibi Fatimah Sheikh Muhammad Jailani, 55 tahun, kelmarin menerima Anugerah Ibu Teladan (EMA), manakala Cik Ju Ann Thong, 35 tahun, menerima Anugerah Ibu Teladan Muda (EYMA) - yang buat julung-julung kalinya diberikan tahun ini.

Cik Bibi, yang mempunyai empat anak lelaki, dilanda kemurungan apabila suaminya, Encik Ahmad Ali, kini 64 tahun, menghadapi penyakit jantung secara tiba-tiba pada 2008.

Namun, beliau mencekalkan hati untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga, dan meningkatkan diri dengan belajar menaip untuk menjadi seorang kerani.

Malah, beliau juga mencari masa untuk menjadi sukarelawan di Kumpulan Sokongan Ibu Bapa di sekolah anaknya.

Cik Bibi memberitahu Berita Harian beliau amat menghargai bantuan daripada pelbagai pihak, termasuk Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang menghulurkan bantuan kepada beliau sekeluarga semasa beliau bertungkus-lumus membesarkan anaknya.

"Sebab itu saya beritahu anak-anak saya jangan lupa untuk menyumbang kembali kepada masyarakat yang telah membentuk mereka menjadi diri mereka hari ini," ujar Cik Bibi, yang kini masih bertugas sebagai penolong pentadbiran kanan di Singapore Post.

Diperkenalkan pada 1993, Anugerah Ibu Teladan telah dianjurkan Jamiyah untuk kali ke-26, dan tahun ini pihak penganjur telah memperkenalkan kategori baru bagi ibu muda di bawah usia 40 tahun.

Penerima sulung anugerah kategori baru itu, Cik Thong, yang mempunyai tiga anak, kini masih gigih menyara kehidupan keluarganya, termasuk membiayai rawatan suaminya yang disahkan menghidapi penyakit barah tahun lalu.

Beliau mengimbangi tugas sepenuh masa sebagai seorang pentadbir dengan perniagaan kecil-kecilan menjual snek ringan dan jam tangan dalam talian.

Cik Thong percaya seseorang tidak harus malu untuk mendapatkan bantuan apabila menghadapi kepayahan.

"Apabila sesuatu berlaku kepada keluarga, seseorang mungkin cenderung untuk menyendiri tetapi itu sebenarnya tidak adil kepada diri kita sendiri kerana dengan menyendiri, anda tidak membolehkan diri anda untuk dibantu orang lain," ujar Cik Thong.

Beliau, turut meraih inspirasi daripada ibu lain yang dicalonkan untuk anugerah itu.

Tahun ini, sebanyak 68 pencalonan diterima bagi EMA dan sebanyak 29 diterima bagi EMYA - yang dipertimbangkan sebuah panel pengadil dengan Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kebudayaan, Masyarakat dan Belia), Cik Sim Ann selaku penasihat, serta Naib Presiden Kanan Banyan Tree Holdings Cik Claire Chiang sebagai pengerusi.

Pemenang EMA menerima sebanyak \$6,000, manakala pemenang EYMA menerima sebanyak \$2,000.

Presiden Halimah Yacob telah menyampaikan anugerah itu dalam satu majlis di Mandarin Orchard Singapore kelmarin.

Dalam ucapannya di acara itu, Presiden Halimah berkata golongan ibu hari ini menghadapi cabaran baru berkaitan teknologi yang meskipun telah membantu mereka untuk berhubung dengan anak, turut membawa masalah seperti pembulian di alam siber, penyalah laku seks yang mencari mangsa di Internet, pornografi dan lain-lain lagi.

"Bahaya berkaitan Internet memerlukan ibu bapa untuk meraih ilmu pengetahuan dan kemahiran baru untuk membantu anak mereka kekal selamat dan bebas dari bahaya.

"Apa yang kita pelajari daripada ibu kita sendiri tidak lagi mencukupi untuk membantu kita mengharungi cabaran kompleks membesarkan anak hari ini," ujar Puan Halimah.

Dalam ucapannya pula, Presiden Jamiyah, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, berkata kesemua lapan finalis EMA dan EYMA sewajarnya menjadi inspirasi kepada semua ibu.

"Kisah anda ialah kisah kejayaan yang terlahir daripada azam dan kecekalan anda dalam berdepan dengan onak duri kehidupan," ujar Dr Hasbi.

<https://www.beritaharian.sg/setempat/dua-wanita-cekal-dinobat-ibu-teladan>